

# **PROSEDUR PENGISLAMAN MUALAF DI NEGERI SEMBILAN: KAJIAN DI PERSATUAN CINA MUSLIM MALAYSIA [MACMA]<sup>1</sup>**

Azman, A.R<sup>2</sup>, Irwan, M.S<sup>3</sup>, Mahazan, A.M<sup>4</sup>, Wan Mohd. Fazrul Azdi,  
W.R<sup>5</sup>, Nuradli Ridzwan Shah, M.D<sup>6</sup>, Rose Irnawaty, Ibrahim<sup>7</sup> &  
Norlina Ismail<sup>8</sup>



<sup>1</sup> Kertas Kerja ini dibentangkan di Kongres Pendidikan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (ECNA 2015), pada 11 Jun 2015, anjuran Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang telah diluluskan dan dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Geran Kompetitif USIM, kod penyelidikan: PPP/UTG-0213/FSU/30/13013. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia yang telah membayai penyelidikan ini dan sentiasa memberikan sokongan dan galakan dalam usaha menyempurnakan penyelidikan ini.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: azman@usim.edu.my

<sup>3</sup> Prof. Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: irwan@usim.edu.my

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: mahazan@usim.edu.my

<sup>5</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: wmfazrul@usim.edu.my

<sup>6</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: nuradli@usim.edu.my; mohdddalins@yahoo.com

<sup>7</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: rose.irnawaty@usim.edu.my

<sup>8</sup> Calon Pelajar Sarjana Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. E-mail: linaismail29@gmail.com

## **ABSTRACT**

*The spread of Islam in Malaysia had a positive impact against the increasing number of converts. Before embracing Islam, someone should know the conversion procedures to prevent any problems arise after becoming a Muslim. Having converted to Islam, the development of a new convert was very important to ensure they are on the right path. Associations such as the Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA), PERKIM, KIMMA, MRA and IPSI is important to ensure the welfare, protection and guidance to converts. Therefore, this study is to examine the conversion procedure in Negeri Sembilan and to observe MACMA's role in ensuring the development of converts particularly Chinese after embracing Islam. The study was found that the conversion procedure in Negeri Sembilan is based on the Islamic Religious Administration Enactment (Negeri Sembilan) 2003 Part IX-Embracing Islam managed by the Islamic Propagation Centre, Paroi under the Islamic Religious Affairs Department, Negeri Sembilan (JHEAINS). The major role of MACMA, Negeri Sembilan is to provide religion guidance (fardu ain) and welfare while carrying out missionary to Chinese in Negeri Sembilan. This study can streamline the management of MACMA, Negeri Sembilan and then provide information about the conversion procedure to converts in Negeri Sembilan. This study suggested that the conversion procedure in other states were analyzed and compared.*

**Keywords:** Conversion Procedure, Converts, Negeri Sembilan, Chinese Muslim Association (MACMA), Negeri Sembilan.

## **ABSTRAK**

*Penyebaran dakwah Islamiyah di Malaysia memberi kesan positif terhadap peningkatan bilangan mualaf. Sebelum memeluk Islam, seseorang itu perlulah mengetahui prosedur pengislaman agar tidak timbul masalah setelah menjadi Muslim. Setelah memeluk agama Islam, pembangunan seseorang mualaf itu sangat penting untuk memastikan mereka berada di landasan yang benar. Persatuan-persatuan seperti Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), PERKIM, KIMMA, MRA dan IPSI amatlah penting untuk memastikan kebijakan, perlindungan*

*dan bimbingan terhadap mualaf. Justeru, kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji prosedur pengislaman di Negeri Sembilan disamping melihat peranan MACMA Negeri Sembilan dalam memastikan pembangunan para mualaf terutamanya yang berbangsa Cina setelah memeluk Islam. Kajian mendapati prosedur pengislaman di Negeri Sembilan adalah berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 Bahagian IX- Memeluk Agama Islam yang diuruskan oleh Pusat Dakwah Islamiyah, Paroi dibawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Peranan utama MACMA Negeri Sembilan adalah memberi bimbingan fardu ain dan menjaga kebijakan mualaf disamping menjalankan dakwah kepada kaum Cina di Negeri Sembilan. Kajian ini dapat memperkemas pengurusan MACMA Negeri Sembilan seterusnya memberi maklumat kepada mualaf tentang prosedur pengislaman di Negeri Sembilan. Kajian ini mencadangkan agar prosedur pengislaman di negeri-negeri lain turut dianalisis dan dibandingkan.*

Kata kunci: *Prosedur pengislaman, Mualaf, Negeri Sembilan, Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Negeri Sembilan.*

## PENDAHULUAN

Di Malaysia, bilangan mereka yang memeluk Islam semakin meningkat dari tahun ke tahun. Masyarakat bukan Islam sudah mula mengenal, memahami dan mengkaji tentang Islam, seterusnya memeluk agama Islam (JAKIM, 2010). Sebagai contoh, seorang pendakwah, Mohd Fadli Yusof direkodkan berjaya mengislamkan seramai 300 orang penduduk sekitar kawasan pedalaman di Sabah (Shamran, 2014).

Dakwah di Malaysia turut digerakkan oleh persatuan dan gerakan bukan kerajaan (NGO) seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Kongress India Muslim Malaysia (KIMMA) dan Islamic Propagation Society International (IPSI). Persatuan-persatuan ini memainkan peranan penting dalam memberi bimbingan dan perlindungan serta menjaga kebijakan mualaf (Jasni, A., Temubual, 03 April 2014).

Justeru, kajian ini dilakukan untuk menganalisis prosedur pengislaman di Negeri Sembilan selain mengkaji peranan MACMA dalam program pembangunan mualaf. Kajian ini dibahagikan kepada

tiga bahagian utama iaitu definisi mualaf, prosedur pengislaman oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan program pembangunan mualaf yang dianjurkan oleh MACMA Negeri Sembilan.

## DEFINISI MUALAF

Peruntukan mualaf terdapat dalam ayat al-Quran seperti berikut:

﴿إِنَّمَا الْصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ  
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرِيمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فِرِضَةٌ مِّنْ اللَّهِ  
وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mualaf yang dijinakkan hati mereka, orang yang memerdekaan hamba, orang yang berhutang, orang-orang yang berjihad di jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan.”

(al-Quran. al-Tawbah 9: 60)

### Definisi Literal

Istilah ‘mualafah qulubuhum’ dalam ayat diatas merujuk kepada mualaf. Dari sudut bahasa, ‘mu’alafah’ berasal daripada perkataan ‘allafa’ yang mempunyai pelbagai maksud. Antaranya menjadikan sesuatu angka itu seribu, mengumpulkan sesuatu antara satu dengan yang lain dan mengarang buku (Ibn Manzur, 1996).

Perkataan ‘qulubuhum’ merupakan gabungan dua perkataan iaitu ‘qulub’ dan ‘hum’. Qulub ialah kata majmuk bagi qalb yang bermaksud ketulan jantung yang mempunyai sambungan urat darah. (Ibn Manzur, 1996).

Menurut al-Marbawi, mualaf bermaksud orang yang baru memeluk Islam. Ia berasal daripada perkataan *alifa*, *ya’lifu*, *ilfan*. Alifahu bermaksud suka atau gemar ia akan dia atau menjinaki. *Allafa baynahum* bermaksud memperkasihkan antara mereka itu (Al-Marbawiyy, t.th).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), mualaf bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam, saudara baru.

### Definisi Mualaf Menurut Mazhab Empat

Kebanyakan fuqaha' mazhab Hanafiyy tidak menjelaskan definisi mualaf dengan jelas. Dalam buku Al-Kasaniyy, disebutkan (terjemahan) "*mualafah qulubuhum* (yang dijinakkan hatinya) dikatakan: sesungguhnya mereka adalah pemimpin Quraisy dan pahlawan Arab seperti Abu Sufyan bin Harb, Safwan bin Umayyah, al-Aqra' bn Habis, 'Uyaynah bin Hisn al-Fazariyy, al-'Abbas bin Mirdas al-Salmiyy, Malik bin 'Awf al-Nadriyy, Hakim bin Hizam dan mereka mempunyai kuasa, kekuatan dan pengikut yang ramai (Al-Kasaniyy, t.th).

Menurut mazhab Malikiyy, terdapat dua definisi mualaf iaitu:

- a) Orang kafir yang diberikan zakat supaya memeluk Islam
- b) Orang yang baru memeluk agama Islam, lalu diberikan zakat supaya pegangan agamanya semakin kuat (Al-Dusuqiyy, t.th)

Mazhab Shafi'iyy pula mendefinisikan mualaf sebagai orang yang dijinakkan atau dilembutkan hatinya yang telah memeluk Islam (Al-Shafi'iyy, t.th). Ini menunjukkan definisi mualaf bagi mazhab Shafi'iyy terbatas kepada Muslim sahaja.

Takrif mualaf bagi mazhab Hanbaliyy adalah seperti berikut:

- a) Pemimpin kafir yang memimpin suatu kaum atau kumpulan yang diharapkan agar memeluk Islam atau diharapkan menghentikan kejahatannya
- b) Orang Islam yang diharapkan dapat menguatkan keimanannya dengan pemberian zakat
- c) Pemimpin Muslim;
  - Yang diharapkan agar para pengikutnya akan memeluk Islam
  - Yang dapat menggalakkannya supaya berjihad dan membela orang Islam
  - Yang diharapkan dapat menghentikan kejahatannya
  - Yang diharapkan dapat menimbulkan kekuatan untuk mengutip zakat daripada mereka yang enggan membayar zakat (Al-Bahutiyy, 1982)

### Definisi Mualaf Menurut Pandangan Semasa

Menurut Wahbah Zuhayliyy, mualaf ialah orang yang masih lemah niatnya didalam Islam dan terbahagi kepada dua golongan iaitu orang Islam dan orang kafir. Manakala Yusuf al-Qaradawiyy dalam kitabnya *Fiqh al-Zakah* memperluas maksud mualaf kepada orang yang baru memeluk agama Islam, orang jahat, orang Islam dan orang-orang kafir, sama ada baik ataupun jahat (Rawi, N., et. al, 2010).

Definisi mualaf berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri di Malaysia ialah golongan yang baru memeluk Islam (Rawi, N., et. al, 2010). Bagi Negeri Sembilan mualaf ditakrifkan sebagai mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam tetapi belum kukuh Islamnya (Bahagian Zakat, MAINS). Tiada had waktu bagi seseorang itu dikategorikan sebagai mualaf di Negeri Sembilan (Rawi, N., et. al, 2010).

Kajian mendapati takrif mualaf mempunyai konteks yang luas. Namun, di Malaysia takrif mualaf terbatas kepada orang yang memeluk agama Islam dan diberikan zakat kepadanya untuk mengukuhkan imannya. Takrif ini bertepatan dengan pendapat mazhab Shafi'iyy. Kajian juga mendapati dengan ketiadaan had waktu bagi seseorang itu dinamakan mualaf di Negeri Sembilan, menyebabkan mereka akan sentiasa mendapat zakat daripada Baitulmal MAINS sehingga meninggal dunia. Penilaian semula perlu dilakukan terhadap had waktu mualaf di Negeri Sembilan.

### PROSEDUR PENGISLAMAN DI NEGERI SEMBILAN

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertindak sebagai penyelaras pengurusan saudara baru di Malaysia. JAKIM telah mengeluarkan garis panduan pengurusan masuk Islam sebagai rujukan bagi setiap pihak Berkuasa Agama Islam Negeri-negeri, saudara baru, ahli keluarganya atau mana-mana pihak yang berkenaan (JAKIM, 2010).

Menurut Kaedah 8 Garis Panduan Pengurusan Saudara Baru, seseorang yang ingin masuk Islam hendaklah mengucap dua kalimah syahadah di hadapan Pendaftar Mualaf atau mana-mana pegawai atau mana-mana orang yang menguruskan pengislaman seseorang saudara baru dengan disaksikan oleh seorang saksi lelaki.

## Prosedur Pengislaman Mualaf di Negeri Sembilan

Berdasarkan Kaedah 11 Garis Panduan Pengurusan Saudara Baru, majlis pengislaman boleh dilakukan di tiga tempat iaitu;


- i. pengislaman di Pejabat Agama Islam
- ii. pengislaman selain di Pejabat Agama Islam
- iii. pengislaman di luar negara

Mualaf yang memeluk Islam di Pejabat Agama Islam akan terus didaftarkan secara rasmi mengikut undang-undang. Bagi yang melakukan pengislaman selain di Pejabat Agama Islam, orang yang bertanggungjawab menguruskan pengislamannya perlulah segera membawa saudara baru tersebut ke Pejabat Agama. Manakala bagi saudara baru yang memeluk Islam di luar negara, perlulah mendaftar pengislamannya di Malaysia setelah pulang.

Prosedur pengislaman dan pendaftaran masuk Islam di Negeri Sembilan diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 Bahagian IX- Memeluk Agama Islam. Berdasarkan Seksyen 107, sesiapa yang ingin memeluk agama Islam perlu mematuhi kehendak berikut:

- a) mengucapkan dua kalimah syahadah dalam bahasa Arab secara yang semunasabahnya jelas
- b) mestilah sedar bahawa kalimah itu bermakna “Aku menjadi saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku menjadi saksi bahawa Nabi Muhammad S.A.W. ialah Pesuruh Allah”
- c) pengucapan itu mestilah dibuat dengan kerelaan hati orang itu sendiri

Pusat Dakwah Islamiyah, Paroi (Pusat Dakwah) adalah unit dibawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) yang bertanggungjawab menguruskan pendaftaran saudara baru. Pengucapan kalimah syahadah seperti di dalam Seksyen 107 boleh dijalankan terus di Pusat Dakwah atau mana-mana Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) dan Pejabat Agama Islam Wilayah (PAIW) di seluruh Negeri Sembilan. Mereka adalah badan yang mempunyai autoriti dalam urusan pensyahadahan (Jasni, A., Temubual, 03 April 2014).



Rajah 1: Carta aliran proses memeluk agama Islam di JHEAINS

Disamping itu, Pusat Dakwah juga telah melantik 100 orang dari pelbagai agensi sebagai Pensyahadah. Antara agensi yang terlibat ialah;

- i. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- ii. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA)
- iii. Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT)
- iv. Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
- v. Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA)
- vi. Yayasan Kasih Sayang Negeri Sembilan (YKSNS)
- vii. Muslim Revert Association (MRA)
- viii. Badan Kebajikan Orang Asli Islam Malaysia (BAKOAIS)
- ix. Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)
- x. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
- xi. IKRAM

Selain agensi-agensi di atas, terdapat juga individu perseorangan yang dilantik sebagai Pensyahadah setelah menjalani kursus. Lantikan Pensyahadah ini telah terbukti mempergiat dan memudahkan lagi proses pensyahadahan mualaf. (Jasni, A., temubual, 03 April 2014)

Setelah seseorang melakukan pensyahadahan, pengislamannya akan didaftarkan dan disahkan oleh Pendaftar Mualaf di Negeri Sembilan melalui Pusat Dakwah. Setelah itu, para mualaf perlu mengikuti kursus asas kefahaman Islam dan kursus lanjutan terdiri daripada kelas fardhu ain, akidah dan al-Quran (Jasni, A., temubual, 03 April 2014). Selain Pusat Dakwah dibawah JHEAINS, Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) juga memainkan peranan dalam pembangunan mualaf.

Kajian mendapati terdapat pelbagai institusi untuk dirujuk bagi mereka yang ingin memeluk Islam sama ada terus ke JHEAINS atau NGO dan individu yang dilantik sebagai Pensyahadah. Kewujudan pelbagai platform ini memudahkan proses pengislaman seseorang. Walaubagaimanapun, pemantauan berterusan perlu dilakukan keatas mualaf yang memeluk Islam selain di JHEAINS supaya nama mereka tidak ketinggalan untuk didaftarkan didalam rekod Daftar Mualaf.


## LATAR BELAKANG MACMA

Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) ditubuhkan pada 08 September 1994 bertujuan untuk menjaga kebaikan Cina Muslim di Malaysia dari segi jasmani dan rohani. Ia juga bertindak sebagai penghubung dakwah antara masyarakat Cina Malaysia yang masih belum Islam. Antara visi persatuan ini ialah menjadikan Muslim amnya dan Cina Muslim khasnya sebagai ‘Khairun Ummah’ iaitu umat terbaik.

MACMA mempunyai 19 pejabat cawangan di seluruh Malaysia. Salah satu cawangannya ialah MACMA Negeri Sembilan yang terletak di Seremban. Ia ditubuhkan pada 19 April 2011 dan berpusat di Kompleks Al-Sa’adah, Rahang. Sehingga 24 Februari 2014, MACMA cawangan Negeri Sembilan mempunyai 231 ahli termasuk ahli bersekutu (ahli bukan berbangsa Cina) (Sufian, Y., temubual, 19 Mac 2014).

Antara objektif MACMA cawangan Negeri Sembilan ini ialah membantu saudara Muslim terutamanya bagi yang berbangsa Cina di Negeri Sembilan. Selain itu, ia bermatlamat memberi bimbingan farduan kepada saudara Muslim dan menjalankan dakwah kepada kaum Cina di Negeri Sembilan.

MACMA cawangan Negeri Sembilan terdiri daripada YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, Menteri Besar Negeri Sembilan sebagai penaung. Carta organisasi MACMA boleh dirujuk di Rajah 2:



Rajah 2: Carta Organisasi MACMA Cawangan Negeri Sembilan

### PROGRAM PEMBANGUNAN MACMA

Bertepatan dengan objektif MACMA, persatuan ini telah menyediakan beberapa program. Program tersebut boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu program bimbingan, program kebajikan dan program ukhuwwah.

## Program Bimbingan

MACMA menyediakan kelas harian bertujuan membimbing para mualaf dari segi akidah, ibadah dan akhlak secara berterusan (Sufian, Y., Temubual, 19 Mac 2014). Berdasarkan Mesyuarat Agung Tahunan MACMA kali ke-3, data menunjukkan peningkatan jumlah kehadiran untuk belajar di kelas-kelas yang diadakan. MACMA akan mengenal pasti tahap pengetahuan asas agama Islam bagi mualaf seterusnya memberi bimbingan mengikut peringkat pengetahuan mereka.

Masa	Hari	Pelajaran
8.00 ptg-10 ptg	Isnin	Tauhid Fardhu Ain Mandarin
	Selasa	Al Quran 1 Al Quran 2
		Feqah 1 Feqah 2
	Rabu	Fardhu Ain Mandarin
		Al Quran 1 Al Quran 2
	Khamis	Akhhlak
		Amali Bersuci & Solat
	Sabtu	Tafsir

Jadual 1: Jadual Belajar 2011-2013

Kelas bimbingan yang berterusan ini dapat memberi pendedahan kepada saudara baru tentang Islam sedikit demi sedikit. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh MACMA, kebanyakan mualaf Cina bimbang sekiranya mereka tidak dapat memenuhi kehendak Islam itu sendiri. Hal ini kerana mereka merasakan terlampaui banyak perkara baru yang perlu dipelajari. Justeru, kelas bimbingan untuk mualaf ini merupakan platform terbaik untuk mereka mendalami Islam.

Masa	Hari	Pelajaran
9.00 Am – 11.00 Am	Isnin	Kelas Membaca al- Quran
	Selasa	
	Rabu	
	Khamis	
	Jumaat	

Jadual 2: Jadual Kelas Al-Quran

MACMA cawangan Negeri Sembilan juga menyediakan kelas Bahasa Mandarin setiap Sabtu dan Ahad, bermula pada bulan Disember 2011. Kumpulan sasar bagi kelas ini adalah orang ramai yang ingin mempelajari bahasa Mandarin. Dengan kewujudan kelas Mandarin ini dapat mengurangkan jurang bahasa antara Melayu dan Cina seterusnya memudahkan komunikasi dan dakwah (Sufian, Y., Temubual, 19 Mac 2014).

Ahli MACMA cawangan Negeri Sembilan juga turut menghadiri seminar dan konvensyen yang dianjurkan di tempat lain. Sebagai contoh, ahli persatuan ini telah menghadiri Seminar Perbandingan Agama anjuran JHEAINS dan Konvensyen Saudara Muslim yang diadakan di Kuala Terengganu. Seminar-seminar seperti ini dapat meningkatkan ilmu ahli-ahli persatuan ini.

Program bimbingan yang berterusan oleh MACMA ini amat penting dalam pembangunan ilmu mualaf agar mereka tidak keliru dengan ajaran Islam. Modul pembelajaran yang tersusun adalah sangat diperlukan untuk memastikan para mualaf memperoleh semua cabang ilmu agama.

### Program Kebajikan

Persatuan ini mengadakan ziarah mualaf untuk melihat perkembangan mualaf tersebut seterusnya memberi sokongan moral kepada mereka disamping menjaga kebajikan mereka. Selain itu, MACMA Negeri Sembilan juga bertanggungjawab membantu pernikahan saudara baru agar mereka berasa seperti ahli keluarga sendiri sesama ahli MACMA. Tamsilnya, pada 7 Disember 2013, MACMA Cawangan Negeri Sembilan telah membantu Nur Aisyia Koay Huey Sian dari Selangor, dalam urusan pernikahannya.



Rajah 3: Majlis Perkahwinan Ahli MACMA Cawangan Negeri Sembilan

Pada bulan Jun 2013, MACMA Cawangan Negeri Sembilan telah memperkenalkan sistem keluarga angkat dalam kalangan ahli MACMA. Ia bertujuan untuk memastikan mereka tidak merasa rendah diri dan terasing setelah bergelar saudara baru. Dengan sistem keluarga angkat ini, keluarga tersebut dapat membimbing saudara baru untuk menjalani kehidupan sebagai seorang Muslim. Keluarga angkat ini juga dapat membantu mualaf menguruskan pernikahan sekiranya terdapat tantangan dari keluarga sendiri.

Program kebajikan anjuran MACMA ini memberi jaminan dan perlindungan kepada mualaf bahawa mereka tidak keseorangan dan mendapat sokongan penuh daripada persatuan.

### Program Ukhuwwah

Pihak tertinggi pengurusan MACMA cawangan Negeri Sembilan tidak ketinggalan menyambut tarikh-tarikh penting dalam Islam. Antaranya sambutan Maal Hijrah 1435, persatuan ini telah menjadi tuan rumah bagi daerah Seremban. Di samping itu mereka juga mengadakan sambutan Maulidur Rasul selain majlis berbuka puasa ketika bulan Ramadhan dan jamuan Hari Raya Aidilfitri. Manakala ketika sambutan Aidil Adha, mereka akan mengadakan ibadah korban. Sambutan seperti ini dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara ahli-ahli MACMA.

Walaupun sudah memeluk agama Islam, masyarakat Cina Muslim ini tidak ketinggalan meraikan adat dan tradisi mereka yang tidak bertentangan dengan agama Islam. Misalannya, MACMA Negeri Sembilan ini masih lagi mengadakan sambutan Tahun Baru Cina sesama saudara Muslim. Lazimnya, masyarakat Cina beranggapan jika

memeluk agama Islam bermaksud ‘masuk Melayu’. Justeru, sambutan Tahun Baru Cina, majlis minum teh, pemberian ang pau yang masih boleh diadakan ini menunjukkan sifat keterbukaan Islam yang tidak menolak sesuatu yang tidak bertentangan dengan syariat.



Rajah 4: Sambutan Tahun Baru Cina 2013

Antara acara ukhuwwah tahunan yang tidak ketinggalan anjuran MACMA cawangan Negeri Sembilan ialah Majlis Tautan Kasih dan Diskusi Saudara Muslim. Majlis dihadiri oleh mualaf terutamanya di kalangan masyarakat Cina di Negeri Sembilan. Antara tentatif program ini ialah ceramah, bacaan Al-Quran, persembahan nasyid dan tarian naga. Tamsilnya, pada 2011, Majlis Tautan Kasih ini diserikan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh saudara baru yang kurang upaya dan persembahan nasyid dilakukan oleh artis dari Mualaf Studio.

MACMA cawangan Negeri Sembilan ini juga sedia menerima kunjungan dari pelbagai entiti untuk menguatkan lagi hubungan sesama mereka. Mereka pernah mendapat kunjungan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan beberapa saudara baru dari Kota Tinggi, Johor. Mereka juga pernah menerima kunjungan antarabangsa seperti kerajaan Xing Jiang dari China, Delegasi Waqaf dari Oman, Prof. Dr. Syed Ali Anwar dari Pakistan dan Chinese Muslim Council North America (Kanada). Kunjungan dari dalam dan luar negara dapat memperkenalkan kepada mereka tentang persatuan MACMA ini.

Kajian mendapati program-program seperti ini mampu mengeratkan lagi hubungan sesama ahli MACMA cawangan Negeri Sembilan serta orang luar. Secara tidak langsung, program-program tersebut dapat memperkenalkan persatuan ini kepada orang luar.

## CABARAN DAN PERMASALAHAN

### Latar Belakang Mualaf

Perbezaan latar belakang dan keadaan seseorang mualaf dengan mualaf yang lain merupakan cabaran bagi MACMA Negeri Sembilan dalam memastikan pembangunan mualaf. Sebahagian mualaf mempunyai masalah berkenaan keluarga manakala, sebahagian yang lain mempunyai masalah kerjaya dan kewangan (MACMA, temubual, 19 Mac 2014). Kaedah dan kemahiran kaunseling yang sesuai adalah amat diperlukan untuk memastikan mualaf merasai kenikmatan memeluk agama Islam dan tidak kembali ke agama asal. Justeru penyelidik mencadangkan supaya sebuah unit kaunseling ditubuhkan di MACMA atau mengadakan kerjasama dengan pihak berwajib untuk memastikan golongan mualaf ini sentiasa dipantau dan dibantu dari semsa ke semasa.

### Komitmen

Komitmen lain seperti kerjaya dan keluarga sedikit sebanyak mengurangkan kelancaran penganjuran program persatuan (Sufian, Y., temubual, 19 Mac 2014). Justeru, tolak ansur dan pemberian komitmen yang tinggi untuk aktiviti persatuan merupakan satu keperluan dalam penganjuran program seterusnya memastikan pemberian bimbingan dan kebijakan untuk semua mualaf tercapai. Penyelidik mencadangkan supaya melantik staf tetap untuk memastikan program berjalan dengan lancar di samping sukarelawan yang membantu.

### Pengurusan

Pihak MACMA perlu memperkemas pengurusan dan pentadbiran persatuan. Ahli jawatankuasa tertinggi perlulah menggalakkan ahlinya bekerjasama untuk memastikan kelancaran program-program yang dianjurkan. Sokongan yang padu dari semua ahli serta saling bertukar pendapat akan membawa hasil yang optimum.

## KESIMPULAN

Kajian mendapati prosedur pengislaman yang tersusun dapat melancarkan lagi proses pengislaman di JHEAINS. Dengan wujudnya pelbagai platform untuk mualaf memeluk Islam memudahkan lagi proses pensyahadahan dilakukan. Apabila sudah melafazkan syahadah, mualaf tersebut perlulah mendaftarkan pensyahadahannya itu di JHEAINS.

Pusat Dakwah mewajibkan mualaf mengikuti kursus asas dan kursus lanjutan setelah memeluk Islam. Kursus lanjutan boleh didapati melalui bantuan NGO seperti MACMA Negeri Sembilan yang bertanggungjawab diatas pembangunan mualaf setelah memeluk agama Islam. Mualaf tidak akan berasa keseorangan apabila memeluk Islam memandangkan persatuan MACMA ini menganggap semua ahlinya seperti ahli keluarga sendiri menerusi program bimbingan, program kebaikan dan program ukhuwwahnya.

Implikasi kajian ini memberi kesan kepada JHEAINS dalam menilai semula had waktu seseorang itu dinamakan mualaf. Pemantauan juga perlu dilakukan keatas NGO agar mualaf yang memeluk Islam didaftarkan di JHEAINS. Disamping itu, pengurusan MACMA Negeri Sembilan perlu diperkemas lagi dari segi kelas bimbingan dan kebaikan. Kajian ini juga memudahkan para mualaf dalam mengetahui cara dan prosedur masuk Islam di Negeri Sembilan.

Kajian ini mencadangkan agar kajian-kajian lanjutan dilakukan terhadap prosedur pengislaman di negeri-negeri lain seterusnya dibuat kajian perbandingan bertujuan memperkemas lagi proses memeluk agama Islam di Malaysia.

## RUJUKAN

- al-Bahutiyy, Mansur bin Yunus bin Idris. (1982). *Kashshaf al-Qina<sup>c</sup> an Matn al-Iqna<sup>c</sup>*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Dusuqiyy. t.th. *Hashiyat al-Dusuqiyy <sup>c</sup>Ala al-Sharh al-Kabir*. t.tpt.: <sup>c</sup>Isa al-Babi al-Halabiyy wa Shurakah.
- al-Kasaniyy, <sup>c</sup>Ala' al-Din Abu Bakr bin Mas'ud al-Hanafiyy. t.th. *Bada'i<sup>c</sup> al-Sana'i<sup>c</sup> Fi Tartib al-Shara'i<sup>c</sup>*. Mesir: Zakariyya <sup>c</sup>Ali Yusuf.
- al-Marbawiyy, Muhammad Idris <sup>c</sup>Abd al-Ra'uf. 1350H. *Qamus Idris al-Marbawiyy <sup>c</sup>Arabi-Malayuwi* (Edisi 4). Mesir: Matba<sup>c</sup>ah Mustafa al-Babi a-Halabi wa Awladuhu.
- al-Shafi<sup>c</sup>iyy. t.th. *Mawsu<sup>c</sup>ah al-Imam al-Shafi<sup>c</sup>iyy, Al-Kitab: Al-Umm*. T.tp: Dar Qutaybah
- Ibn Manzur. (1996). *Lisan al-<sup>c</sup>Arab* (Cet. berwarna). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-<sup>c</sup>Arabiyy.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2010) *Garis Panduan Pengurusan Saudara Baru*. Selangor: Shah Alam.
- Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) Negeri Sembilan. (21 April 2013). *Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-2*. Minit Mesyuarat.
- Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) Negeri Sembilan. (16 Mac 2014). *Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-3*. Minit Mesyuarat.
- Rawi, N., Abdullah, S., Hassan, B., Noormala, R., Abd, G. B. (2010, December). Peluasan konsep asnaf mualaf zakat di Malaysia. Kertas kerja di The 4<sup>th</sup> ISDEV International Islamic Development Management Conference. Universiti Sains Malaysia (USM). Pulau Pinang.
- Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Diakses dari <http://www.baitulmalns.gov.my/> (di akses pada 7 Julai 2015)

Majlis Tautan Kasih Dan Diskusi Saudara Muslim Peringkat Negeri Sembilan. Diakses dari <http://www.islam.gov.my/majlis-tautan-kasih-dan-diskusi-saudara-muslim-peringkat-negeri-sembilan>. (diakses pada 5 Julai 2015)

Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA). Diakses dari <http://www.macma.my> (diakses pada 9 Julai 2015)

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). Diakses dari <http://www.perkim.net.my> (diakses pada 9 Julai 2015)

Shamran, S. (2014). *Berkat Kesabaran*. METRO Ahad. 23 Februari.